AL-QANATIR
INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES
eISSN: 2289-9944
Vol. 35. No. 11. November Issue (2026)

LOSING ADAB IN EDUCATION: KARAMATUL INSAN AND CONTEMPORARY MUSLIM THOUGHT

KRISIS KEHILANGAN ADAB DALAM PENDIDIKAN: KONSEP KARAMAH AL-INSAN DALAM PEMIKIRAN MUSLIM KONTEMPORARI

Syamila Syamim Mohamad Yatim[i], Mohd Norazri Mohamad Zaini[ii], Suliah Mohd Aris[iii], Ainul Mardhiyyah Tajudin[vi] & Annas Shafiq Ayob[v]

[i] Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. syamilasyamim@uitm.edu.my
[ii] (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan , Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. norazri7082@uitm.edu.my
[iii] Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. sulia383@uitm.edu.my
[iv] Pensyarah, Asasi Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia. ainul9561@uitm.edu.my
[v] Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia. mohdannas0382@uitm.edu.my

Article Progress
Received: *25 June 2026* ***Revised:*** *7 July 2026* ***Accepted****: 1 Aug 2026*

Abstract

The concept of karāmat al-insān constitutes a fundamental element of the Islamic worldview, linking human dignity with adab, trust, and responsibility as servants and vicegerents of Allah SWT. However, the growing emphasis on individual autonomy, interpretive freedom, and value neutrality in contemporary education has created challenges for the formation of the Muslim individual, particularly as the dimension of adab becomes increasingly marginalised. This study aims to analyse the relationship between the loss of adab in education and the changing interpretation of karāmat al-insān, as well as its implications for certain tendencies in contemporary Muslim thought. The study adopts a qualitative conceptual approach through document analysis of 32 selected sources identified through a structured search in Google Scholar. The selected documents were analysed thematically through coding, categorisation, and theme development. The findings produced three main themes: the loss of adab and the emphasis on individual autonomy; the crisis of the hierarchy of knowledge and epistemic authority; and the liberalisation of religious thought as one manifestation of the educational crisis. The findings suggest that the marginalisation of adab may weaken the relationship between knowledge, the authority of revelation, and moral responsibility, thereby influencing the interpretation of karāmat al-insān. This study emphasises the need to strengthen adab-based education as a foundation for the formation of a balanced human being and as a normative framework for the future of Islamic education.

Keywords: *adab, thought, epistemic, education, karāmat.*

Abstrak *Konsep karāmat al-insān merupakan asas penting dalam pandangan alam Islam yang menghubungkan kemuliaan manusia dengan adab, amanah dan tanggungjawab sebagai hamba serta khalifah Allah SWT. Namun, penekanan terhadap autonomi individu, kebebasan tafsiran dan neutraliti nilai dalam pendidikan kontemporari telah menimbulkan cabaran terhadap pembentukan insan Muslim, khususnya apabila dimensi adab semakin terpinggir. Kajian ini bertujuan menganalisis hubungan antara kehilangan adab dalam pendidikan dengan perubahan pemaknaan karāmat al-insān, serta implikasinya terhadap kecenderungan tertentu dalam pemikiran Muslim kontemporari. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif konseptual melalui analisis dokumen terhadap 32 sumber terpilih yang diperoleh menerusi carian berstruktur dalam Google Scholar. Dokumen terpilih dianalisis secara tematik melalui proses pengekodan, pengelompokan kategori dan pembentukan tema. Dapatan kajian menghasilkan tiga tema utama, iaitu kehilangan adab dan penekanan terhadap autonomi individu, krisis hierarki ilmu dan autoriti epistemik, serta liberalisasi pemikiran agama sebagai salah satu manifestasi krisis pendidikan. Dapatan mencadangkan bahawa peminggiran adab berpotensi melemahkan hubungan antara ilmu, autoriti wahyu dan tanggungjawab moral, sekali gus mempengaruhi pemaknaan karāmat al-insān. Kajian ini menegaskan keperluan memperkukuh pendidikan berteraskan adab sebagai asas pembinaan insan seimbang dan kerangka normatif bagi pendidikan Islam masa depan.*

Kata kunci: *adab, pemikiran, epistemik, pendidikan, karāmat.*

PENDAHULUAN

Pendidikan dalam tradisi Islam difahami sebagai suatu proses pembentukan insan yang menyeluruh dan bersepadu, merangkumi dimensi intelektual, moral dan spiritual secara serentak. Matlamat pendidikan Islam bukan sekadar pemindahan ilmu atau penguasaan kemahiran teknikal, tetapi pembinaan manusia yang mengenal kedudukan dan tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah Allah SWT, serta menghayati makna kemuliaan insan (*karāmat al-insān*) yang berteraskan wahyu, adab dan moral.

Dalam kerangka ini, kemuliaan insan tidak ditentukan oleh autonomi mutlak atau kebebasan tanpa batas, sebaliknya berpunca daripada pengiktirafan terhadap peranan manusia sebagai makhluk yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara kebenaran, keadilan dan keseimbangan dalam kehidupan (Al-Attas, 1993; Ilyas, 2016; Rahman, 2014; Rizki, 2023).

Namun demikian, perkembangan pendidikan moden menunjukkan kecenderungan yang semakin menjarakkan pendidikan daripada asas pandangan alam Islam. Pendidikan kontemporari, khususnya yang dipengaruhi oleh paradigma sekular dan liberal, cenderung menekankan kebebasan individu, autonomi pemikiran dan hak asasi manusia sebagai nilai tertinggi, sering kali tanpa disertai kerangka adab dan hierarki ilmu yang jelas.

Dalam kerangka ini, pendidikan mula ditafsir sebagai alat pembebasan intelektual yang bersifat mutlak daripada autoriti tradisi keilmuan, wahyu dan institusi agama, sehingga fungsi pendidikan sebagai proses pembinaan insan beradab semakin terpinggir (Rahman, 2014; Azhar Ibrahim, 2022; Adnan, 2015). Kecenderungan ini turut diperkukuh oleh kemasukan wacana liberalisme agama yang mengangkat kebebasan tafsiran dan relativisme nilai sebagai asas pemikiran, sekali gus mencabar konsep autoriti ilmu dan tanggungjawab moral dalam pendidikan Islam (Harris & Aziz, 2004; Harris, 2018).

Beberapa kajian kontemporari turut menunjukkan bahawa kegagalan menangani pengaruh ini telah mendorong pencarian paradigma pendidikan Islam alternatif yang berasaskan integrasi ilmu, iman dan adab, seperti yang diketengahkan dalam pemikiran tokoh-tokoh pembaharu Islam (Mohamad et al., 2024).

Dalam artikel ini, istilah *liberal* tidak merujuk kepada liberalisme politik secara langsung, sebaliknya digunakan untuk menggambarkan suatu kecenderungan epistemik yang menekankan autonomi tafsiran, relativisme nilai dan pemisahan kefahaman agama daripada autoriti wahyu serta tradisi keilmuan yang mapan.

Oleh itu, perbincangan dalam artikel ini tertumpu kepada kecenderungan liberal dalam wacana pendidikan dan pemikiran agama yang mengutamakan subjektiviti individu berbanding disiplin epistemologi dan bukan bertujuan untuk terlibat dalam polemik ideologi atau perdebatan bersifat partisan. Keadaan ini menimbulkan persoalan kritikal tentang implikasi kehilangan adab dalam pendidikan terhadap kefahaman *karāmat al-insān* dalam masyarakat Muslim kontemporari.

Beberapa sarjana menegaskan bahawa apabila pendidikan gagal membimbing manusia mengenal hierarki ilmu, autoriti kebenaran dan hubungan antara ilmu, iman serta akhlak, kemuliaan insan cenderung ditafsir secara sempit sebagai kebebasan tanpa batas dan autonomi mutlak individu (Kamali, 2008a). Dalam konteks era digital dan kecerdasan buatan, krisis ini menjadi lebih kompleks apabila pendidikan semakin berorientasikan data, kecekapan teknikal dan rasionaliti instrumental, sementara dimensi adab, maruah dan tujuan insan semakin terpinggir (Siddique & Butt, 2025).

Kajian-kajian kontemporari turut menekankan keperluan mendesak untuk mengintegrasikan semula ilmu dan adab sebagai asas pembinaan pendidikan Islam yang lestari, beretika dan berteraskan *karāmat al-insān*, khususnya dalam menghadapi cabaran globalisasi, pendigitalan dan krisis nilai sejagat (Davids & Waghid, 2019; Vilianita et al., 2022; Yunita et al., 2025; Fauzan & Asrori, 2025).

Justeru, artikel ini mendapati bahawa krisis pemaknaan *karāmat al-insān* bukan sekadar isu teologi atau moral tetapi berpunca daripada kegagalan pendidikan memelihara adab sebagai teras pembentukan insan dan prinsip emas pendidikan masa depan. Walaupun banyak kajian telah membincangkan liberalisme agama atau konsep adab secara berasingan, masih kurang penelitian yang menelusuri kehilangan adab sebagai akar epistemologi kepada krisis pemaknaan karāmat al-insān dalam konteks pendidikan kontemporari.

Karāmat al-Insān dan Adab dalam Falsafah Pendidikan Islam.

Dalam pandangan alam Islam, karāmat al-insān berpunca daripada pengiktirafan Allah SWT terhadap manusia sebagai makhluk berakal dan bermoral, bukan hasil autonomi mutlak atau kebebasan tanpa batas. Kemuliaan insan dalam kerangka ini berkait rapat dengan amanah, tanggungjawab dan kepatuhan kepada perintah Ilahi, selari dengan perbahasan maqāṣid al-syarīʿah dan falsafah pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara akal, wahyu dan akhlak.

Pemahaman ini diperkukuh oleh tradisi pemikiran Islam klasik yang menegaskan peranan akal sebagai alat memahami nilai moral dan tujuan hidup, bukan sebagai sumber kebebasan mutlak yang terpisah daripada wahyu (Kamali, 2008a; Usman et al., 2022; Nasir et al., 2024; Harris, 2022). Konsep adab merupakan elemen teras yang menghubungkan pendidikan dengan *karāmat al-insān*, kerana ia menentukan bagaimana manusia memahami kedudukan diri, ilmu dan Tuhan dalam susunan hakikat yang benar.

Adab dalam tradisi Islam bukan sekadar kesopanan sosial atau etika luaran, tetapi suatu bentuk pendidikan moral dan intelektual yang berasaskan pengiktirafan terhadap autoriti wahyu, akal dan akhlak secara bersepadu. Dalam pengertian ini, adab menuntut pengenalan yang tepat terhadap tujuan ilmu dan batas kebebasan manusia, sebagaimana ditegaskan dalam karya klasik dan moden tentang falsafah pendidikan Islam (Al-Attas, 1993; Alshaar, 2023; Selo et al., 2015; Majid & Tamam, 2024).

Pendidikan yang berteraskan adab memastikan bahawa kebebasan berfikir tidak terpisah daripada disiplin ilmu dan tanggungjawab moral, sekali gus menolak kefahaman kebebasan mutlak yang mengabaikan amanah insan sebagai hamba dan khalifah. Dalam konteks kontemporari, termasuk era digital dan globalisasi nilai, integrasi ilmu dan adab

menjadi semakin mendesak bagi memastikan pendidikan terus memelihara maruah, keadilan dan kemuliaan insan (McLarney, 2016; Sartell & Padela, 2015; Yunita et al., 2025).

Sebaliknya, apabila adab diketepikan daripada kerangka pendidikan, pendidikan kehilangan arah dan tujuan asalnya sebagai proses pembentukan insan berakhlak dan bertanggungjawab. Dalam keadaan ini, ilmu cenderung dipersembahkan sebagai entiti yang bebas nilai, autoriti wahyu dipersoalkan tanpa disiplin metodologi yang sah dan kebebasan ditafsir sebagai hak mutlak individu tanpa rujukan kepada tanggung jawab moral dan batasan etika.

Akibatnya, karāmat al-insān dipersempitkan maknanya kepada kebebasan subjektif yang berpusatkan kehendak diri, sekali gus menghakis dimensi amanah, tanggungjawab dan kepatuhan kepada nilai wahyu yang menjadi asas kemuliaan manusia dalam pandangan alam Islam (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998; Mohamad Kamil et al., 2022).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif konseptual melalui analisis dokumen bagi meneliti hubungan antara kehilangan adab dalam pendidikan, pemaknaan *karāmat al-insān* dan perkembangan pemikiran Muslim kontemporari. Pendekatan ini sesuai digunakan kerana konsep adab, kemuliaan insan, autoriti epistemik dan tanggungjawab moral bersifat normatif serta memerlukan penelitian terhadap makna, andaian dan hubungan antara konsep.

Pengumpulan dokumen dilakukan melalui pangkalan data Google Scholar menggunakan gabungan kata kunci dan operator Boolean seperti AND dan OR. Kata kunci yang digunakan merangkumi "adab", "kehilangan adab", "*karāmat al-insān*", "human dignity", "Islamic education", "hierarchy of knowledge", "epistemic authority", "religious liberalism", "individual autonomy" dan "future education".

Kata kunci tersebut digabungkan bagi memfokuskan carian kepada hubungan antara adab, kemuliaan insan, pendidikan Islam dan pemikiran Muslim kontemporari. Proses carian berstruktur ini menghasilkan sebanyak 2,558 rekod untuk menjalani saringan tajuk dan abstrak. Pemilihan dokumen dilakukan secara bertujuan dengan melibatkan dua kategori sumber, iaitu karya asas dan autoritatif berkaitan falsafah pendidikan Islam serta kajian kontemporari tentang adab, kemuliaan insan, autoriti ilmu, liberalisasi pemikiran agama, pendigitalan dan kecerdasan buatan.

Karya asas dikekalkan tanpa sekatan tahun berdasarkan kepentingannya terhadap pembentukan kerangka konseptual kajian, manakala keutamaan bagi sumber kontemporari diberikan kepada penerbitan dalam tempoh 2010–2026.

Dokumen dimasukkan dalam kajian sekiranya memenuhi kriteria berikut: pertama, diterbitkan dalam bentuk artikel jurnal berwasit, buku ilmiah, bab buku, tesis, kertas persidangan atau dokumen rasmi; kedua, membincangkan secara langsung sekurang-kurangnya satu daripada konsep utama kajian, iaitu adab, *karāmat al-insān*, pendidikan Islam, hierarki ilmu atau autoriti epistemik; ketiga, mempunyai hubungan konseptual yang jelas dengan persoalan kajian; dan keempat, mempunyai teks penuh serta maklumat penerbitan yang dapat dikenal pasti.

Dokumen berbahasa Melayu, Inggeris dan Arab dipertimbangkan berdasarkan keupayaan penyelidik memahami dan menganalisis kandungannya. Dokumen dikecualikan sekiranya hanya menyebut kata kunci secara sepintas lalu, berada di luar konteks pemikiran dan pendidikan Islam, merupakan rekod pendua, berbentuk ulasan buku pendek, editorial, berita atau blog peribadi, tidak mempunyai teks penuh, atau tidak menyediakan perbincangan konseptual yang memadai.

Dalam saringan pertama, sebanyak 2,500 daripada 2,558 rekod disingkirkan selepas penilaian tajuk dan abstrak kerana tidak memenuhi fokus kajian. Baki 58 dokumen kemudiannya dinilai melalui pembacaan teks penuh. Daripada jumlah tersebut, 26 dokumen disingkirkan kerana tidak mempunyai kedalaman analisis yang mencukupi, kesepadanan konseptual yang jelas atau maklumat penerbitan yang dapat disahkan. Proses ini menghasilkan 32 dokumen sebagai korpus akhir kajian.

Kesemua dokumen terpilih dibaca secara berulang dan dianalisis menggunakan analisis tematik. Proses analisis melibatkan pembiasaan terhadap data, pengekodan awal, pengelompokan kod kepada kategori, pembentukan tema dan semakan semula hubungan antara tema (Braun & Clarke, 2006; Miles et al., 2014). Perbandingan silang antara dokumen turut dilakukan untuk mengenal pasti persamaan, perbezaan dan perkembangan hujah.

Analisis ini akhirnya menghasilkan tiga tema utama, iaitu kehilangan adab dan penekanan terhadap autonomi individu, krisis hierarki ilmu dan autoriti epistemik, serta liberalisasi pemikiran agama sebagai salah satu manifestasi krisis pendidikan.

DAPATAN KAJIAN

Analisis terhadap dokumen terpilih menghasilkan tiga tema utama yang berkaitan dengan kehilangan adab dalam pendidikan dan pemaknaan *karāmat al-insān*. Tema-tema tersebut ialah: pertama, kehilangan adab dan penekanan terhadap autonomi individu; kedua, krisis hierarki ilmu dan autoriti epistemik; dan ketiga, liberalisasi pemikiran agama sebagai salah satu manifestasi krisis pendidikan. Ketiga-tiga tema ini dikenal pasti berdasarkan pola hujah, andaian epistemologi dan kerangka nilai yang berulang dalam dokumen yang dianalisis.

Kehilangan Adab dan Penekanan terhadap Autonomi Individu

Analisis dokumen menunjukkan bahawa wacana pendidikan kontemporari memberikan penekanan yang semakin besar terhadap autonomi individu, kebebasan berfikir, hak membuat pilihan dan kebebasan mentafsir. Penekanan tersebut pada asasnya berkaitan dengan usaha membangunkan pemikiran kritis, kebolehan membuat pertimbangan dan kesedaran terhadap hak manusia.

Walau bagaimanapun, beberapa dokumen yang dianalisis menunjukkan bahawa autonomi boleh menimbulkan persoalan apabila kebebasan individu dipisahkan daripada tanggungjawab moral, disiplin ilmu dan kerangka adab. Dalam pendidikan Islam, kebebasan berfikir tidak diletakkan sebagai kebebasan mutlak, tetapi dilaksanakan dalam lingkungan amanah, tanggungjawab dan pengiktirafan terhadap kedudukan wahyu serta kaedah ilmu.

Berdasarkan dokumen yang dianalisis, kehilangan adab berlaku apabila pelajar atau individu tidak lagi memahami kedudukan diri, ilmu, pendidik dan sumber kebenaran secara tertib. Dalam keadaan tersebut, kebebasan lebih mudah difahami sebagai hak untuk menentukan kebenaran berdasarkan pilihan dan pertimbangan peribadi semata-mata.

Analisis turut memperlihatkan bahawa perubahan tersebut mempengaruhi pemaknaan *karāmat al-insān*. Kemuliaan manusia cenderung dihuraikan berdasarkan kebebasan, hak dan autonomi individu, sedangkan tradisi pendidikan Islam menghubungkan kemuliaan insan dengan kedudukannya sebagai hamba dan khalifah yang memikul amanah serta tanggungjawab moral.

Oleh itu, dokumen yang dianalisis menunjukkan adanya perbezaan antara konsep autonomi yang bertanggungjawab dengan autonomi mutlak yang terpisah daripada disiplin adab dan kerangka epistemologi Islam (Al-Attas, 1993; Kamali, 2008b; McLarney, 2016; Davids & Waghid, 2019).

Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak menunjukkan bahawa semua bentuk autonomi intelektual bertentangan dengan pendidikan Islam. Sebaliknya, isu yang dikenal pasti ialah kecenderungan memisahkan kebebasan berfikir daripada pertanggungjawaban moral dan kaedah ilmu yang sah. Justeru, tema ini memperlihatkan bahawa persoalan kehilangan adab berkait dengan cara kebebasan dan autonomi individu ditafsir serta diamalkan dalam proses pendidikan.

Krisis Hierarki Ilmu dan Autoriti Epistemik

Tema kedua yang dikenal pasti ialah krisis hierarki ilmu dan autoriti epistemik. Dokumen yang dianalisis menunjukkan bahawa pendidikan berteraskan adab mengiktiraf kedudukan yang berbeza antara wahyu, akal, pengalaman, pandangan ilmuwan dan pertimbangan individu. Setiap sumber ilmu mempunyai fungsi, kaedah dan batas tertentu dalam

menentukan kebenaran. Dalam kerangka tersebut, akal digunakan untuk memahami, menilai dan mengaplikasikan ilmu, tetapi tidak dipisahkan daripada bimbingan wahyu serta tanggungjawab moral.

Sebaliknya, kehilangan adab dikaitkan dengan kekeliruan terhadap kedudukan sumber-sumber ilmu tersebut. Wahyu, pandangan sarjana, pengalaman peribadi dan pendapat umum kadangkala diletakkan pada kedudukan yang sama tanpa penilaian berdasarkan kaedah ilmu yang jelas. Keadaan ini menyebabkan perbezaan antara pandangan berasaskan kepakaran dengan pandangan peribadi menjadi semakin kabur.

Autoriti ilmuwan dan tradisi keilmuan pula boleh dipersoalkan tanpa penelitian terhadap kelayakan, metodologi dan asas hujah yang digunakan. Analisis dokumen juga menunjukkan bahawa krisis autoriti bukan semata-mata berkaitan dengan penolakan terhadap ulama atau institusi agama. Sebaliknya, krisis tersebut melibatkan persoalan yang lebih luas tentang pihak yang dianggap berautoriti untuk menentukan makna, kesahihan dan kebenaran sesuatu penafsiran.

Dalam persekitaran pendidikan dan media digital, akses terbuka kepada maklumat membolehkan individu memperoleh pelbagai pandangan tanpa semestinya mempunyai keupayaan untuk menilai kesahihan sumber, konteks hujah dan latar belakang penulis. Berdasarkan pola yang dikenal pasti, peminggiran adab melemahkan disiplin dalam menilai sumber ilmu dan autoriti sesuatu pandangan.

Hal ini membuka ruang kepada penafsiran yang lebih bergantung pada pengalaman, kecenderungan dan pertimbangan peribadi. Walaupun persoalan terhadap autoriti merupakan sebahagian daripada proses pemikiran kritis, dokumen yang dianalisis membezakan antara kritikan ilmiah yang berasaskan kaedah dengan penolakan autoriti yang tidak disertai disiplin ilmu (Mohamad Kamil et al., 2022; Nasir et al., 2024).

Liberalisasi Pemikiran Agama sebagai Manifestasi Krisis Pendidikan

Tema ketiga menunjukkan bahawa liberalisasi pemikiran agama dibincangkan dalam dokumen terpilih sebagai salah satu manifestasi kepada perubahan dalam pendidikan dan pemaknaan adab. Liberalisasi dalam konteks kajian ini merujuk kepada kecenderungan epistemik yang memberikan keutamaan kepada autonomi tafsiran, relativisme nilai dan subjektiviti individu dalam memahami agama. Istilah ini tidak merujuk secara langsung kepada liberalisme politik atau keseluruhan tradisi pemikiran liberal.

Analisis mendapati bahawa penafsiran agama yang lebih subjektif sering dikaitkan dengan kelemahan penguasaan ilmu, kekeliruan terhadap hierarki sumber dan pengurangan peranan autoriti epistemik. Dalam keadaan tersebut, sesuatu pandangan agama boleh dinilai berdasarkan kesesuaiannya dengan kehendak, pengalaman dan nilai semasa seseorang, tanpa penelitian yang mencukupi terhadap sumber wahyu, kaedah pentafsiran dan tujuan syariah.

Beberapa dokumen turut menunjukkan bahawa agama semakin dilihat sebagai urusan peribadi yang boleh ditafsir mengikut keadaan dan kecenderungan individu. Kebebasan memilih kemudiannya menjadi salah satu pertimbangan utama dalam menentukan penerimaan terhadap sesuatu ajaran atau pandangan agama. Pola tersebut memperlihatkan perubahan daripada kefahaman agama sebagai sumber panduan moral dan epistemologi kepada kefahaman yang lebih berpusat pada pertimbangan individu.

Walau bagaimanapun, analisis ini tidak menunjukkan bahawa liberalisasi pemikiran agama berpunca sepenuhnya daripada kehilangan adab. Dokumen yang dianalisis turut memperlihatkan pengaruh faktor lain seperti perubahan sosial, globalisasi, perkembangan teknologi digital, budaya institusi, latar belakang pendidikan dan tahap literasi agama.

Oleh itu, kehilangan adab lebih tepat difahami sebagai salah satu faktor yang berkaitan dengan perubahan pemikiran agama, dan bukannya satu-satunya sebab yang menentukan perubahan tersebut (Harris, 2018; Mohamad Kamil et al., 2022; Mat Zain & Jusoh, 2023).

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa penolakan terhadap liberalisasi pemikiran agama secara polemik tidak semestinya menyelesaikan masalah yang dikenal pasti. Dokumen-dokumen yang dianalisis lebih banyak menekankan keperluan memperkukuh asas pendidikan, disiplin ilmu dan pembentukan adab supaya individu mempunyai keupayaan untuk menilai pandangan secara kritis serta bertanggungjawab.

Hubungan antara Tema Dapatan

Perbandingan antara ketiga-tiga tema menunjukkan adanya hubungan konseptual antara kehilangan adab, autonomi individu, hierarki ilmu dan pemaknaan agama. Peminggiran adab dikaitkan dengan kelemahan dalam memahami kedudukan ilmu dan sumber kebenaran. Kelemahan tersebut seterusnya berkait dengan krisis autoriti epistemik, khususnya apabila pandangan peribadi, pengalaman dan pendapat umum tidak dibezakan secara jelas daripada pengetahuan yang dihasilkan melalui kepakaran dan kaedah ilmiah.

Dalam keadaan tersebut, kebebasan intelektual lebih mudah ditafsir sebagai autonomi mutlak, manakala *karāmat al-insān* cenderung difahami berdasarkan hak dan pilihan individu tanpa penekanan yang seimbang terhadap amanah dan tanggungjawab. Pada masa yang sama, penafsiran agama menjadi lebih terbuka kepada subjektiviti apabila kaedah ilmu dan kedudukan autoriti tidak lagi difahami secara tertib.

Berdasarkan analisis ini, hubungan antara tema-tema dapatan dapat dirumuskan seperti peminggiran adab, kelemahan hierarki ilmu, krisis autoriti epistemic, peningkatan subjektiviti tafsiran dan perubahan pemaknaan *karāmat al-insān*. Rumusan tersebut merupakan hubungan konseptual yang dikenal pasti melalui analisis dokumen dan bukan hubungan sebab-akibat yang telah diuji secara empirikal. Hubungan ini menjadi asas kepada perbincangan lanjut tentang kedudukan adab sebagai prinsip epistemologi, batas autonomi individu, implikasi terhadap pemikiran agama dan hala tuju pendidikan Islam pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kehilangan adab, krisis hierarki ilmu dan kelemahan autoriti epistemik merupakan tema yang saling berkaitan dalam menjelaskan perubahan pemaknaan *karāmat al-insān* dalam pendidikan kontemporari. Dapatan ini tidak menolak kepentingan pemikiran kritis dan autonomi intelektual, tetapi memperlihatkan keperluan untuk meletakkan kebebasan tersebut dalam kerangka ilmu, tanggungjawab dan adab. Makna serta implikasi hubungan antara tema-tema ini dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian Perbincangan.

PERBINCANGAN

Sumbangan Konseptual Kajian

Kajian ini menyumbang dari sudut konseptual dengan menelusuri semula kehilangan adab sebagai krisis asas dalam pendidikan, dan bukannya melihat pemikiran agama liberal semata-mata sebagai penyimpangan ideologi atau perbezaan teologi.

Berbeza dengan kebanyakan kajian terdahulu yang membincangkan liberalisme pada tahap pertembungan doktrin dan wacana pemikiran, artikel ini berhujah bahawa kecenderungan tersebut sebenarnya lahir daripada masalah yang lebih mendasar, iaitu kegagalan pendidikan memelihara adab sebagai prinsip teras yang mengatur hubungan antara ilmu, autoriti dan pembentukan akhlak insan.

Dengan meletakkan karāmat al-insān dalam kerangka pendidikan yang berteraskan adab, kajian ini mengemukakan satu pendekatan yang lebih menyeluruh dalam memahami hubungan antara pendidikan, pemikiran agama dan cabaran semasa. Pendekatan ini menghubungkan falsafah pendidikan Islam dengan perbincangan kontemporari mengenai pendidikan masa depan, pembinaan etika dan tanggungjawab epistemik, khususnya dalam konteks perubahan global dan kemajuan teknologi.

Melalui kerangka ini, perbincangan tidak lagi terbatas pada usaha mengkritik kecenderungan tertentu, sebaliknya bergerak ke arah penghasilan solusi yang lebih membina dengan menempatkan adab bukan sekadar sebagai nilai moral, tetapi sebagai asas

epistemologi yang koheren dalam membimbing reformasi pendidikan masyarakat Muslim yang berhadapan dengan cabaran pendigitalan, globalisasi dan ketidaktentuan nilai.

Berdasarkan keseluruhan tema yang dikenal pasti, kehilangan adab dalam pendidikan tidak hanya merujuk kepada kemerosotan akhlak, tatatertib atau kesopanan sosial. Sebaliknya, isu tersebut melibatkan perubahan yang lebih mendasar pada tahap epistemologi, khususnya dalam menentukan hubungan manusia dengan ilmu, guru, wahyu dan kebenaran.

Apabila adab tidak lagi berfungsi sebagai prinsip yang mengatur hubungan-hubungan tersebut, kebebasan intelektual berpotensi dipisahkan daripada tanggungjawab moral. Dalam keadaan ini, karāmat al-insān cenderung difahami berdasarkan hak, pilihan dan autonomi individu semata-mata, sedangkan pandangan alam Islam menghubungkan kemuliaan manusia dengan amanah, kehambaan dan tanggungjawab sebagai khalifah.

Penemuan ini memperluas perbincangan terdahulu dengan menempatkan kehilangan adab sebagai salah satu mekanisme konseptual yang menghubungkan krisis pendidikan dengan perubahan pemaknaan kemuliaan insan (Al-Attas, 1993; Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998; Kamali, 2008a).

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa persoalan utama bukanlah kebebasan berfikir itu sendiri, tetapi bentuk dan batas kebebasan tersebut. Autonomi intelektual tidak semestinya bercanggah dengan pendidikan berteraskan adab kerana pemikiran kritis, kebebasan bertanya dan keupayaan membuat pertimbangan boleh menyumbang kepada pembangunan insan.

Namun demikian, kebebasan tersebut perlu dilaksanakan melalui disiplin ilmu, tanggungjawab sosial dan pertimbangan moral. Masalah berlaku apabila autonomi difahami sebagai kebebasan mutlak yang tidak lagi mengiktiraf kaedah ilmu, kedudukan wahyu atau autoriti keilmuan yang sah. Oleh itu, pertentangan sebenar bukan antara adab dengan pemikiran kritis, tetapi antara kebebasan yang bertanggungjawab dengan kebebasan yang terpisah daripada kerangka epistemologi dan etika.

Tafsiran ini selari dengan pandangan bahawa adab berfungsi mengarahkan penggunaan akal dan kebebasan manusia ke arah keadilan, kebenaran dan tanggungjawab moral (McLarney, 2016; Davids & Waghid, 2019). Hubungan antara tema turut menunjukkan bahawa peminggiran adab berpotensi melemahkan hierarki ilmu dan autoriti epistemik.

Apabila kedudukan wahyu, akal, pengalaman dan pandangan individu tidak lagi dibezakan melalui kaedah ilmu yang jelas, penafsiran agama lebih mudah dipengaruhi oleh subjektiviti dan kehendak peribadi. Walau bagaimanapun, hubungan ini perlu difahami sebagai satu cadangan konseptual dan bukannya hubungan sebab-akibat yang telah dibuktikan secara empirikal.

Liberalisasi pemikiran agama tidak semestinya berpunca daripada satu faktor tunggal. Perubahan sosial, budaya institusi, pengaruh media digital, latar belakang pendidikan, literasi agama dan pengalaman individu juga boleh mempengaruhi pembentukan pemikiran seseorang. Penjelasan ini penting bagi mengelakkan kehilangan adab dianggap sebagai satu-satunya punca kepada perubahan pemikiran agama dan bagi memastikan analisis yang dikemukakan tidak bersifat terlalu deterministik.

Dari sudut sumbangan konseptual, kajian ini mencadangkan satu rantaian hubungan antara peminggiran adab, keruntuhan hierarki ilmu, kelemahan autoriti epistemik dan perubahan pemaknaan *karāmat al-insān*. Hubungan tersebut dapat dihuraikan melalui kerangka tersebut. Kerangka ini membezakan kajian semasa daripada kajian terdahulu yang lebih banyak membincangkan adab, pendidikan Islam dan liberalisme agama secara berasingan.

Dalam kajian ini, adab tidak hanya dilihat sebagai nilai tingkah laku, tetapi sebagai prinsip epistemologi yang menentukan kedudukan ilmu, batas kebebasan dan tanggungjawab manusia. Oleh itu, pemulihan *karāmat al-insān* memerlukan pembinaan semula pendidikan pada tahap tujuan, kandungan, pedagogi dan hubungan antara pendidik dengan pelajar.

Dari sudut praktikal, pendidikan masa depan perlu mengimbangi pembangunan pemikiran kritis dengan pembentukan adab melalui kurikulum, latihan pendidik, pedagogi reflektif dan literasi digital beretika. Pendidik bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai maklumat, tetapi juga sebagai pembimbing yang membantu pelajar menilai kesahihan sumber, kedudukan ilmu, batas autoriti dan implikasi moral sesuatu pandangan.

Dalam konteks kecerdasan buatan, pendidikan berteraskan adab menjadi semakin penting bagi memastikan kecekapan memperoleh maklumat tidak menggantikan proses menilai kebenaran, autoriti dan tujuan ilmu. Teknologi perlu dilihat sebagai alat yang menyokong pembentukan insan, bukan sebagai penentu utama arah pendidikan. Walaupun kerangka ini menawarkan penjelasan konseptual tentang hubungan antara adab, autoriti ilmu dan *karāmat al-insān*, kajian ini terbatas kepada analisis dokumen.

Dapatan yang dihasilkan bersifat interpretatif dan tidak mewakili keseluruhan pengalaman institusi pendidikan atau masyarakat Muslim. Hubungan antara kehilangan adab, autonomi individu dan perubahan pemikiran agama juga belum diuji melalui data empirikal. Oleh itu, kajian lanjutan boleh menilai kerangka ini melalui temu bual dengan pendidik dan pelajar, analisis kandungan kurikulum, pemerhatian proses pengajaran atau kajian terhadap penggunaan teknologi dan kecerdasan buatan dalam pendidikan Islam.

Implikasi Terhadap Pendidikan Masa Depan

Dapatan kajian ini membawa implikasi yang signifikan terhadap hala tuju pendidikan masa depan, khususnya dalam usaha membina insan Muslim yang seimbang dan beradab dalam menghadapi cabaran pemikiran kontemporari. Krisis kehilangan adab yang dibincangkan menunjukkan bahawa reformasi pendidikan tidak boleh terhad kepada inovasi pedagogi atau integrasi teknologi semata-mata, tetapi mesti berakar pada penegasan semula tujuan pendidikan sebagai proses pembentukan insan (Al-Attas, 1993; Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998).

Dalam tradisi falsafah pendidikan Islam, konsep ta'dīb menegaskan bahawa ilmu, iman dan akhlak merupakan satu kesatuan yang tidak boleh dipisahkan tanpa menjejaskan maruah insan (Rahman, 2014; Usman et al., 2022). Dalam kerangka ini, karāmat al-insān tidak boleh difahami sekadar sebagai pengiktirafan terhadap hak dan autonomi manusia, tetapi sebagai kemuliaan yang disertai amanah dan tanggungjawab moral.

Kebebasan berfikir yang tidak dipandu oleh disiplin nilai berpotensi berkembang menjadi relativisme epistemik yang mengaburkan autoriti kebenaran (Kamali, 2008a; Harris, 2018). Oleh itu, pendidikan masa depan perlu membina keseimbangan antara pemikiran kritis dan disiplin adab, agar kemajuan intelektual tidak terpisah daripada panduan wahyu dan struktur maqāṣid al-sharīʿah yang memelihara agama, akal dan maruah insan (Kamali, 2008a; Mohamad Kamil et al., 2022).

Implikasi ini turut selari dengan aspirasi pembangunan Masyarakat Madani yang menekankan pembudayaan nilai dan pemerkasaan karāmat al-insān dalam era digital. Laporan Konvensyen Madani 2024 menegaskan bahawa pembangunan teknologi dan ekonomi perlu digerakkan berteraskan nilai, integriti dan maruah insan bagi mengelakkan kemajuan yang terpisah daripada prinsip kemanusiaan dan tanggungjawab sosial (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2024).

Dalam konteks ini, pendidikan beradab berfungsi sebagai asas strategik bagi memastikan agenda pembangunan nasional tidak kehilangan dimensi etika dan kemanusiaan, selari dengan gagasan masyarakat berperadaban dan lestari (Yusof et al., 2025). Sehubungan itu, latihan pendidik dan pembangunan kurikulum perlu dirangka secara lebih sistematik bagi menangani cabaran pemikiran kontemporari, termasuk kecenderungan relativisme nilai dan sekularisasi wacana agama.

Pendekatan terhadap cabaran ini wajar digerakkan melalui kerangka epistemologi Islam yang kukuh dan berteraskan adab, bukan melalui polemik yang bersifat reaktif. Dengan pendekatan sedemikian, pendidikan berupaya melahirkan generasi yang berfikiran kritis, berintegriti dan beradab, serta mampu berinteraksi dengan perubahan global tanpa kehilangan arah dan jati diri (Davids & Waghid, 2019; Yunita et al., 2025).

Secara keseluruhannya, pemulihan karāmat al-insān melalui pendidikan berteraskan adab perlu dilihat sebagai agenda reformasi nilai yang menyeluruh. Ia bukan sekadar usaha memperkukuh kefahaman agama, tetapi merupakan asas pembinaan masyarakat yang bermaruah, berperadaban dan berdaya tahan dalam menghadapi transformasi digital dan ketidaktentuan nilai global (Siddique & Butt, 2025; Fauzan & Asrori, 2025).

PENUTUP

Secara keseluruhannya, artikel ini menegaskan bahawa persoalan pendidikan, adab dan pemikiran agama merupakan tiga dimensi yang saling terkait dalam membentuk kerangka kefahaman insan terhadap diri, ilmu dan agama. Kehilangan adab dalam pendidikan bukan sekadar isu moral atau pedagogi, tetapi suatu krisis epistemologi yang mengaburkan makna kebebasan, autoriti dan tanggungjawab dalam wacana keagamaan.

Dalam keadaan ini, cabaran utama bukanlah kewujudan aliran pemikiran tertentu semata-mata, tetapi kerapuhan asas pendidikan yang gagal membimbing insan mengenali susunan hakikat dan kedudukan dirinya secara tertib. Berdasarkan dapatan kajian, pemulihan karāmat al-insān sebagai prinsip teras pendidikan masa depan menuntut anjakan yang lebih mendasar pada tahap falsafah, kurikulum dan pembentukan pendidik.

Pendidikan perlu difahami semula sebagai proses ta'dīb yang membina insan berilmu, beradab dan bertanggungjawab, bukan sekadar medan ekspresi autonomi individu atau pencapaian kemahiran teknikal. Pendekatan ini bukan sahaja selari dengan falsafah pendidikan Islam yang menyeluruh, malah menyediakan asas normatif yang kukuh bagi membina masyarakat Muslim yang berintegriti, berdaya fikir dan mampu mendepani perubahan zaman tanpa kehilangan arah dan jati diri. Kajian lanjutan boleh meneliti model operasional pendidikan berteraskan adab dalam konteks pendigitalan dan kecerdasan buatan.

RUJUKAN

Adnan, M. (2015). Paradigma pendidikan kritis dalam perspektif pendidikan Islam. Cendekia: Jurnal Studi Keislaman, 1(1), 97–117.

Al-Attas, S. M. N. (1993). Islam and secularism. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Alshaar, N. (2023). Ḥadīth and the Concept of Adab as Moral Education. Ḥadīth and Ethics through the Lens of Interdisciplinarity, 30-47.

Azhar Ibrahim (2022). Contemporary Islamic discourse in the Malay-Indonesian world: Critical perspectives. Strategic Information and Research Development Centre.

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. Qualitative Research in Psychology, 3(2), 77–101. https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa

Creswell, J. W. (2013). Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (3rd ed.). SAGE Publications.

Davids, N., & Waghid, Y. (2019). Adab and democratic education. In Democratic education and Muslim philosophy: Interfacing Muslim and communitarian thought (pp. 61–70). Springer.

Fauzan, A., & Asrori, M. (2025). Examining the urgency of adab-based learning: A hadith perspective on the global ethical crisis. Peradaban Journal of Religion and Society,4(1), 47–59.

Harris, K. M. A. (2018). Islam dan liberalisme: Antara maṣlaḥah dan mafsadah. Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam, 20(2), 1–52.https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no2.1

Harris, K. M. A. (2022). Prinsip-prinsip umum falsafah dan etika alam sekitar menurut perspektif Islam. TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World, 15(1). https://doi.org/10.56389/tafhim.vol15no1.4

Harris, K. M. A., & Aziz, A. M. A. (2004). Akar pemikiran Islam liberal. Islam: Past, Present and Future, editor Ahmad Sunawari Long, Jaffary Awang, Kamaruddin Salleh,

International Seminar On Islamic Thoughts Proceedings 7-9 December 2004, Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies Universiti Kebangsaan Malaysia, 1027-1039

Ilyas, R. (2016). Manusia sebagai khalifah dalam perspektif Islam. Mawaizh: Jurnal Dakwah dan Pengembangan Sosial Kemanusiaan, 7(1), 169–195.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2024). Laporan Konvensyen Madani 2024: Ke arah penghayatan dan pembudayaan nilai dalam era digital. Kerajaan Malaysia

Kamali, M. H. (2008a). Maqasid al-shariah made simple. International Institute of Islamic Thought. https://doi.org/10.2307/j.ctvkc67vz

Kamali, M. H. (2008b). Shari'ah law: An introduction. Oneworld Publications.

Majid, F., & Tamam, A. M. (2024). Reconstructing Al-Māwardī's educational thought: A philosophical analysis of 'Adab al-Dunyā wa al-Dīn in contemporary Islamic education. Jurnal Pendidikan Agama Islam, 12(2), 263–286.

Mat Zain, N. A., & Jusoh, C. R. (2023). The influence of Western secular ideas of liberalism on some Malay Muslim intellectual elites in Malaysia. Al-Itqan: Journal of Islamic Sciences and Comparative Studies, 7(1), 101–116.

McLarney, E. (2016). Freedom, justice, and the power of adab. International Journal of Middle East Studies, 48(1), 25–46.

Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2014). Qualitative data analysis: A methods sourcebook (3rd ed.). SAGE Publications.

Mohamad Kamil, I. M., Mohd Khambali @ Hambali, K., & Wan Ramli, W. A. (2022). Falsafah liberalisme di Malaysia: Satu sorotan awal. Online Journal of Research in Islamic Studies, 9(2), 61–72. https://doi.org/10.22452/ris.vol9no2.4

Mohamad, M. Z., Noh, N. C., Lateh, H. M., Khairuldin, W. M. K. F. W., & Yusof, S. (2024). Paradigma pendidikan Said Nursi: Alternatif atau ancaman kepada pendidikan sekular. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 24(3), 22 30. https://doi.org/10.37231/jimk.2023.24.3.877

Nasir, A. I. M., Salleh, N. M., Yama, P., & Soroni, M. K. (2024). Al-Rāghib al-Iṣfahānī dan sumbangannya terhadap falsafah ilmu. UMRAN: Journal of Islamic and Civilizational Studies, 11(2), 17–35.

Rahman, M. S. (2014). Falsafah insaniyah dalam pemikiran pendidikan Islam. Islamuna: Jurnal Studi Islam, 1(1).

Rizki, I. A. B. (2023). Manusia sebagai khalifah dan hamba dalam pandangan Fahruddin Faiz (Tesis Sarjana, UIN Sunan Gunung Djati Bandung). UIN Sunan Gunung Djati Digital Library.

Sartell, E., & Padela, A. I. (2015). Adab and its significance for an Islamic medical ethics. Journal of Medical Ethics, 41(9), 756–761.

Selo, A., Mustari, H., Possumah, B. T., Sadi, H., & Usman, A. H. (2015). Adab al-nafs: A review of Al-Māwardī's moral education philosophy. Mediterranean Journal of Social Sciences, 6(3), S1, 552-562. Doi:10.5901/mjss.2015.v6n3s1p552

Siddique, B., & Butt, N. (2025). Islamic legal and mystical thought in the age of artificial intelligence: Between data, deen, and dignity. Contemporary Journal of Social Science Review, 3(3), 189–214. https://doi.org/10.63878/cjssr.v3i3.1265

Usman, A. H., Abdullah, M. F. R., & Ibrahim, M. (2022). Quranic views on quality of Islamic educational system. Jurnal Pengajian Islam, 15(1), 29–41.

Vilianita, R., Maksum, M. N. R., & Ma'arif, M. A. (2022). relevance of education based on adab according to the thoughts of Syed Muhammad Naquib Al-Attas with the current state of the community. In Proceedings of the International Conference on Islamic and Muhammadiyah Studies (ICIMS 2022) (pp. 259–265). Atlantis Press.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas. ISTAC.

Yunita, I., Saidah, A., & Fahmi, M. (2025). The imperative of integrating knowledge and adab in reconstructing Islamic education in the digital era: A study of Al-Attas's thought. J-PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam, 11(2).

Yusof, F. M., Haron, Z., Saari, Z., & Hassan, A. M. (2025). Pemerkasaan akidah teras kelestarian insan menuju masyarakat madani. International Journal of Islam and Contemporary Affairs, 5(2), 81–105.

Penafian
Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.